



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

21 Jun 2009

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, terdapat enam (6) kes Influenza A(H1N1) import baru dikesan dan 1 kes jangkitan tempatan; menjadikan jumlah keseluruhan kes Influenza A(H1N1) yang dikesan adalah sebanyak 48 kes iaitu 45 kes import dan 3 kes jangkitan tempatan. Dari 6 kes import ini, lima (5) kes adalah warganegara Malaysia dan 1 kes adalah warganegara Thailand. Semua kes import ini terdiri dari mereka yang kembali dari Melbourne (2 kes), USA (2 kes), Toronto dan Thailand masing-masing (1 kes). Sementara 1 kes jangkitan tempatan adalah warganegara Malaysia.

1. Kes ke 43 merupakan seorang pelajar perempuan warga Malaysia, berumur 11 tahun, yang telah bercuti ke Melbourne, Australia dari 4 hingga 14 Jun 2009. Beliau bercuti bersama ahli keluarga seramai 6 orang termasuk kes 38 dan kes 46. Untuk makluman dalam keluarga ini ada 3 kes dikesan iaitu kes ke 38, 43 dan 46. Mereka balik ke Malaysia pada 14 Jun 2009 dengan penerbangan Air Asia X D7 2723 (tempat duduk 42J), tiba di LCCT pada jam 7.15 pagi tanpa sebarang simptom. Beliau yang

tinggal di Petaling Jaya mula sakit pada 15 Jun telah mendapat rawatan di sebuah klinik swasta. Pada 19 Jun beliau telah dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah kerana ahli keluarga yang lain dimasukkan ke hospital yang sama. Beliau disahkan positif pada 20 Jun 2009 sebagai kes import. Pelajar tahun 5 (5 Hebat) ini bersekolah di SRK Assunta 2, Petaling Jaya, Selangor. Dimaklumkan kelasnya mempunyai 35 pelajar. Beliau telah bersekolah pada 16 dan 18 Jun. Pihak sekolah diseru untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Petaling di talian 03 – 7804 5333 supaya kuarantin di rumah ke atas pelajar kelas 5 Hebat dapat dijalankan selama 7 hari mulai 18 Jun 2009.

2. Kes ke 44, seorang warga Thailand, lelaki berumur 33 tahun merupakan kelasi sebuah kapal kargo telah tiba di Pelabuhan Klang pada 19 Jun 2009 pada 4 petang. Pemeriksaan ke atas kapal dan anak kapal pada 19 Jun 2009 mendapati beliau demam. Siasatan seterusnya mendapati beliau tidak sihat sejak 17 Jun. Kapal dan anak kapal seramai 22 orang termasuk beliau telah dikuarantin dari 17 Jun dan semua mereka telah dilarang dari turun ke daratan. Swab tekak yang diambil pada 17 Jun telah disahkan positif pada 20 Jun 2009. Beliau telah dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah pada 20 Jun 2009. Tiada kontak tempatan bagi kes ini.
3. Kes ke 45, seorang pelajar perempuan warga Malaysia berumur 16 tahun, telah melancong ke USA bersama 3 ahli keluarga lain (ibu bapa dan kakaknya bersama kes 47) melawat kakak mereka di sana dari 28 Mei hingga 14 Jun 2009. Untuk makluman dalam

keluarga ini ada 3 kes dikesan iaitu kes ke 28, 45 dan 47. Beliau pulang melalui penerbangan Korea KE 671 (tempat duduk 39 E) tiba di KLIA 15 Jun 2009 jam 1 pagi dan terus balik ke rumah. Beliau mula sakit pada 19 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 19 Jun 2009 7.30 petang kerana ahli keluarga yang lain dimasukkan ke hospital yang sama. Beliau disahkan positif pada 20 Jun 2009 sebagai kes import. Pelajar Tingkatan 4 (4 SIK) ini bersekolah di SM Sek. 9, Shah Alam, Selangor. Beliau pergi ke sekolah pada 16 hingga 18 Jun. Dimaklumkan kelasnya mempunyai 35 pelajar. Pihak sekolah diseru untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Petaling di talian 03 –7804 5333 supaya kuarantin di rumah ke atas pelajar kelas 4 SIK dapat dijalankan selama 7 hari mulai 18 Jun 2009.

4. Kes 46 merupakan ibu kepada kes 38 dan kes 43 yang berumur 42 tahun telah bercuti ke Melbourne Australia dari 4 hingga 14 Jun 2009. Untuk makluman dalam keluarga ini ada 3 kes dikesan iaitu kes ke 38, 43 dan 46 sementara tiga lagi diletakan di bawah kuarantin di rumah. Beliau balik dengan penerbangan Air Asia X D7 2723 tempat duduk 42D tiba di LCCT pada jam 7.15 pagi pada 14 Jun 2009 tanpa sebarang simptom. Beliau mula batuk dan sakit tekak pada 18 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (hospital yang sama dengan ahli keluarga lain) pada 19 Jun 2009 dan positif pada 20 Jun 2009.
5. Kes ke 47 adalah kakak kepada kes 45, berumur 22 tahun telah melancong ke USA bersama 3 ahli keluarga lain (ibu bapa dan adiknya) dari 28 Mei hingga 14 Jun 2009. Beliau balik dengan

penerbangan penerbangan Korea KE 671 (tempat duduk 39 C) tiba di KLIA 15 Jun 2009 jam 1 pagi dan terus balik ke rumah. Beliau telah bekerja pada 16 Jun sehingga 18 Jun di sebuah Bank di Kuala Lumpur. Beliau telah mula sakit pada 19 Jun 2009 dan dimasukkan pada hari yang sama ke Hospital Sungai Buloh kerana ahli keluarga lain berada di hospital yang sama. Beliau telah disahkan positif kes import pada 20 Jun 2009. Kontak – kontak di tempat kerja terdekat masih dicari. Pihak Bank di mana pesakit bekerja disarankan untuk menghubungi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan di talian 03 – 2698 2669 untuk membantu Kementerian Kesihatan mencari kontak kes.

6. Kes ke 48 merupakan pelajar lelaki Universiti Toronto warganegara Malaysia berumur 21 tahun telah pergi ke Toronto pada 10 Jun 2009 untuk majlis konvokesyen bersama ibunya. Beliau berada di Toronto sehingga 14 Jun 2009 dan balik dengan penerbangan Korea KE 671 (tempat duduk 42D) dan transit di Seoul dan tiba di KLIA pada 16 Jun 2009 10.40 malam. Pada 17 Jun 2009 menaiki penerbangan Firefly FY 2168 (tempat duduk 17C) dan tiba di Alor Setar pada 11.10 pagi. Beliau mula sakit pada 16 Jun 2009. Beliau dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah pada 19 Jun 2009 dan disahkan positif pada 20 Jun 2009. Tiga (3) dari 5 kontak terdekat dimasukkan di wad isolasi hospital yang sama kerana mempunyai demam sementara 2 lagi diletakkan di bawah “Home Quarantine”.
7. Kes ke 49 adalah kes jangkitan tempatan ke ketiga dan merupakan pelajar perempuan berumur 11 tahun adalah kontak kepada kes ke 38. Beliau berada di kelas yang sama dengan kes

ke 38. Beliau telah dikuarantin di rumah sejak 18 Jun 2009 dan mula sakit pada 19 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur dan disahkan positif pada 21 Jun 2009.

Pihak KKM ingin meminta pihak bank dan pihak sekolah untuk menghubungi Pejabat Kesihatan dan Jabatan Kesihatan yang berkaitan dalam memastikan semua kontak kes dapat dikuarantin di rumah dan mengelakan penularan jangkitan Influenza A(H1N1).

Buat masa ini, sejumlah 34 kes daripada 49 kes yang disahkan positif influenza A(H1N1) masih dalam rawatan di hospital iaitu Hospital Sungai Buloh (14), Hospital Kuala Lumpur (7), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (3), Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang (5), Hospital Ipoh (1), Hospital Pulau Pinang (2), dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (2). Kesemua diberikan rawatan antivirus dan dalam keadaan stabil.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sejumlah 66 notifikasi kes yang menunjukkan gejala jangkitan influenza diterima dari seluruh negara. Sehingga 20 Jun 2009 jam 9.00 malam, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 1,240 kes di mana, 49 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 1,174 disahkan negatif dan 17 masih menunggu keputusan.

Pada 20 Jun 2009 sehingga jam 9.00 mlm, seramai 23 orang bagi kontak kes 14 dan kontak kes 15 telah tamat *home quarantine*. Kontak yang masih diletakkan di bawah *home quarantine* kini adalah seramai 330 orang, ini termasuk 51 kontak baru yang dikesan.

Kesemua mereka yang sedang menjalani kuarantin dalam keadaan stabil tanpa simptom jangkitan influenza.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 21 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 44,707 kes dengan 181 kematian daripada 96 negara, iaitu pertambahan 111 kes dengan 1 kematian. Negara baru yang melaporkan kes kes influenza A(H1N1) adalah negara Brunei dan Fiji. Negeri yang melaporkan tambahan kes adalah Australia (53), Singapore (23), Malaysia (7), China (42) (Tanah Besar China (22), Hong Kong (18) dan Macao (3)), Fiji (2) dan Vietnam (35).

Bagi mengesan kontak kepada kes positif, Kementerian Kesihatan meminta kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes terutama yang duduk di 3 barisan hadapan dan belakang untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) adalah diminta untuk sentiasa mematuhi nasihat yang diberikan. Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan penyakit ini.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai adalah digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 21 Jun 2009